

## Najib mahu universiti, industri dan agensi kerajaan perkukuh kerjasama

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak mahu diperkukuhkan lagi kerjasama antara universiti tempatan, industri dan agensi kerajaan bagi memberi peluang kepada pelajar memperoleh pengalaman praktikal sebelum menceburi bidang pekerjaan.

Selaras dengan itu beliau menggariskan tiga perkara yang perlu diberi perhatian, antaranya ialah penyediaan kurikulum pengajian di univer-

siti dan pertukaran kakitangan akademik universiti dengan pegawai daripada agensi kerajaan atau industri.

Katanya, seperkara lagi ialah kerjasama yang perlu dibuat dalam bidang penyelidikan. Umpamanya, pihak industri atau agensi kerajaan boleh melibatkan universiti dalam menjalankan penyelidikan yang diperlukan untuk memajukan sesuatu bidang dalam industri.

Beliau berkata demikian

dalam ucapan perasmian persidangan pendidikan kebangsaan mengenai "Belajar Sambil Berlatih Bekerja" atau Pendidikan Koorperatif di Universiti Malaya hari ini. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Datuk Dr Fong Chan Onn.

"Dengan penyelidikan itu, ia bukan sahaja meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh industri tetapi juga kepakaran yang ada di universiti dapat dimanfaatkan oleh industri," katanya.

Najib berkata walaupun kerjasama sudah wujud seperti menghantar pelajar mendapatkan latihan praktikal bagi pengajian tertentu seperti program pengajian kewartawanan, kejuruteraan, perubatan dan undang-undang, namun banyak lagi pengajian yang boleh diberikan latihan praktikal.

"Saya yakin latihan praktikal juga boleh diadakan bagi pengajian pengurusan perniagaan, pentadbiran awam dan perakaunan," katanya.

Beliau berkata antara manfaat melalui kerjasama itu ialah program pengajian di universiti dapat dikemaskinikan dan dijadikan lebih relevan, pelajar lebih matang dan berfikiran terbuka setelah menjalani latihan praktikal dan majikan berpeluang mengenal pasti bakal pekerja bagi memenuhi jawatan dalam pelbagai bidang.

Najib juga berkata kerajaan kini membuka lebih banyak peluang bagi pelajar melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat tinggi.

Katanya, menjelang tahun 2020, sebanyak 30 peratus daripada rakyat yang berumur dari 19 tahun hingga 24 tahun berpeluang menerima pendidikan tinggi.

Sebelum itu, Naib Canselor Universiti Malaya (UM) Datuk Dr Abdullah Sanusi Ahmad berkata pendidikan kooperatif patut diperkenal dan dilaksanakan dalam kurikulum di



Najib

institut pengajian tinggi di negara ini.

Beliau berkata antara manfaat melalui pendidikan itu ialah pelajar dapat menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan di samping mendapat imbuhan dari syarikat yang mengambil mereka sebagai pelajar pelatih.

Katanya, pendidikan kooperatif diperkenalkan di England pada 1903 dan diikuti di Amerika Syarikat tiga tahun kemudian.

Persidangan sehari itu dianjurkan oleh UM dan Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Universiti Northeastern, Boston, Amerika Syarikat.

Universiti Northeastern, katanya, memainkan peranan besar dalam pendidikan kooperatif di Amerika Syarikat dan di seluruh dunia.

Presiden universiti itu Prof John Curry adalah Presiden Persatuan Pendidikan Koorperatif Sedunia yang kini mempunyai 300 anggota dari 25 buah negara.

Beliau berharap perbincangan yang terbit daripada persidangan itu dapat membantu memperkenalkan bentuk pendidikan itu seperti kebaikannya dan cara pelaksanaannya yang paling berkesan. — Bernama

